

Ahli Sains Bertaraf Dunia

Rujuk buku teks muka surat 148. Isi tempat kosong bagi karangan di bawah dengan betul. Kemudian, salin karangan di dalam buku penulisan Bahagian C.

Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad ialah ahli saintis yang bertaraf dunia. Beliau sangat hebat dalam lapangan penyelidikan. Oleh itu, beliau telah berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia.

Beliau dilahirkan di _____.

Beliau merupakan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia serta Dekan Penyelidikan, Sains Fundamental, Universiti Sains Malaysia. Bukan itu sahaja, _____ oleh para pelajarnya.

Kejayaan beliau ialah beliau telah menjalankan kajian dan penyelidikan bagi _____. Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk mengurangkan pencemaran air sungai. Kesannya, _____.

Beliau diiktiraf sebagai seorang daripada saintis dunia yang mempunyai _____ oleh Agensi Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat. Beliau merupakan penerima Anugerah Merdeka 2014.

Kesimpulannya, kita mestilah mengikut jejak langkah kejayaan beliau. Oleh itu, kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh kerana "usaha tangga kejayaan".

ekosistem akuatik terjaga daripada pencemaran

beliau amat dihormati dan disayangi

Beranang, Selangor pada 4 Januari 1967

minda saintifik paling berpengaruh di dunia

merawat air sisa kilang kelapa sawit dengan menggunakan teknologi membran